



# Factsheet PAR01

## WWC Check (Pemeriksaan Bekerja dengan Kanak-kanak)

### Petua untuk ibu bapa

Malay | Bahasa Melayu

Working with Children (WWC) Check ialah strategi untuk menjaga keselamatan kanak-kanak dengan terus menerus memeriksa orang yang melakukan [kerja berkenaan kanak-kanak](#). Risalah ini menyatakan beberapa perkara yang anda patut fikirkan apabila mencari penjaga atau orang untuk melakukan kerja dengan anak anda.

Jika perlukan bantuan terjemahan atau interpretasi untuk penerangan dalam risalah ini, sila hubungi Translating and Interpreting Service (TIS National) 131 450.

### **Bilakah anda patut minta orang menunjukkan Kad WWC?**

Kerja berkenaan kanak-kanak ertinya **tugas biasa** orang itu ada, atau boleh dikatakan tentu ada, **kontak** dengan kanak-kanak, dalam salah satu **kategori** kerja berkenaan kanak-kanak, dan tidak ada [exemption](#).

Ertinya, orang yang anda minta bekerja melibatkan anak anda mungkin perlukan Kad WWC, misalnya penjaga bayi, pengasuh anak, tutor, jurulatih sukan, guru memandu, guru tarian atau penghibur kanak-kanak. Untuk penerangan lanjut sila lihat [WWC Check - Who needs a WWC Check?](#)

### **Mengapa anda patut minta supaya ditunjukkan Kad WWC?**

Dengan melihat Kad WWC, anda memastikan orang yang diminta bekerja dengan anak anda itu tidak dianggap risiko berat yang membahayakan kanak-kanak. Jika tidak bertanya dan memeriksa, anda tidak akan yakin dia ada kad WWC.

### **Bagaimanakah cara memeriksa Kad WWC itu sah atau tidak, dan mengapa patut diperiksa?**

Gunakan [WWC Card validation tool](#) di laman WWC untuk memastikan Kad WWC yang anda lihat itu masih sah dan belum [dibatalkan](#).

Jika orang itu tidak ada Kad WWC tetapi sudah memohon, dia boleh gunakan resit untuk membuktikan dia ada [pending application](#) (permohonan sedang menunggu keputusan). Jika sudah membuat permohonan, dia dibenarkan melakukan kerja berkenaan kanak-kanak, walaupun belum mendapat kad WWC.

Namun, dia dilarang bekerja jika permohonan sedang menunggu keputusan dan dia pernah disabitkan bersalah atau ada **pending charge** (tuduhan belum selesai) bagi **Class 1 offence** atau sudah diberikan **Interim Negative Notice**. Anda boleh periksa sama ada permohonan sudah dibuat di [laman WWC](#).

### **Orang yang bekerja sendiri, adakah mesti tunjukkan anda Kad WWC?**

Dalam undang-undang, orang yang bekerja sendiri tidak diwajibkan menunjukkan Kad WWC. Namun, sangat disyorkan supaya anda minta dia tunjukkan kad dan pastikan kad itu sah. Jika dia tidak dapat atau tidak mahu tunjukkan Kad WWC, anda patut fikirkan sebaiknya tidak menggunakan khidmat orang itu. Carilah orang lain yang ada Kad WWC.

### **Orang yang bekerja atau ditugaskan oleh sebuah organisasi, adakah dia mesti tunjukkan anda Kad WWC?**

Tidak, jika anda mendapat orang itu melalui organisasi, misalnya penjaga bayi melalui syarikat penjaga bayi, dia tidak perlu tunjukkan Kad WWC. Organisasi itu yang wajib pastikan pekerja yang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak ada Kad WWC yang berkuat kuasa dan sah. Dalam undang-undang, organisasi tidak diwajibkan memberi maklumat ini. Namun, anda masih boleh minta mereka sahkan pekerja itu ada kad WWC yang berkuat kuasa.

### **Apakah yang patut saya buat kalau mereka tidak mahu tunjukkan Kad WWC, atau majikan mereka tidak mahu sahkan mereka ada Kad WWC?**

Kalau bimbang ada orang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak tanpa Kad WWC, hubungi WWC Screening Unit dengan nama orang itu serta butiran hubungan dan butiran organisasi (jika ada). Kami akan menyiasatnya.

Jika bimbang tentang kesesuaian, akreditasi atau kelakuan seseorang atau sebuah organisasi, anda patut fikirkan untuk tidak menggunakan khidmat mereka. Carilah pihak lain yang ada Kad WWC.

### **Jiran anda menawarkan untuk menjaga anak anda dengan ikhlas. Adakah dia perlu ada Kad WWC?**

Tidak, situasi ini dikira **aturan tidak rasmi** perseorangan. Kad WWC tidak perlu dalam situasi ini.

Namun, kalau menjadi **aturan rasmi**, ketika itu jiran anda perlu ada kad WWC. Contoh aturan rasmi mungkin termasuk orang yang mengiklankan khidmatnya.

## Apakah exemption sukarelawan ibu bapa?

Dalam beberapa keadaan, ibu bapa mungkin mendapat exemption dan tidak perlu memohon WWC Check. Ini dipanggil exemption sukarelawan ibu bapa. Untuk lebih banyak penerangan sila baca [Factsheet CRW03 – Exemptions, the parent volunteer exemption](#).

Mulai 1 Julai 2023, orang yang ada Interim Negative Notice atau Negative Notice yang berkuat kuasa tidak boleh mendapat exemption sukarelawan kanak-kanak atau exemption sukarelawan ibu bapa. Untuk penerangan lanjut sila baca [Factsheet CRW04 – Exemptions, narrowing of access](#).

## Bilakah saya dianggap majikan dan apakah kewajipan saya?

Kadangkala ibu bapa menggaji orang secara langsung, untuk bekerja dengan anak mereka, misalnya pengasuh atau au pair. Jika orang itu tidak bekerja sendiri atau bekerja untuk agensi atau organisasi lain, maka anda menjadi majikannya.

Sebagai majikan orang yang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak di Australia Barat, ada beberapa kewajipan anda di bawah *Working with Children (Screening) Act 2004*. Untuk penerangan lanjut sila lihat [WWC Check - Obligations and compliance](#).

## Apakah beberapa cara lain yang anda boleh membantu menjaga keselamatan anak anda?

Pemeriksaan WWC hanyalah satu strategi keselamatan kanak-kanak. Ada banyak lagi. Untuk mendapatkan penerangan tentang cara lain membantu menjaga keselamatan anak anda, sila lihat [Child Safe Organisations Knowledge Hub](#) Department of Communities.

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di [www.workingwithchildren.wa.gov.au](http://www.workingwithchildren.wa.gov.au)